



Tarikh : 29 Januari 2018
Tempat: Tunjong, Kota Bharu

Projek : Cadangan pembinaan semula dan menaik taraf sekolah daif menggunakan kaedah industrialised building system (IBS) di semenanjung Malaysia (Fasa 1) tahun 2018 bagi Negeri Kelantan.



BULETIN JKR KELANTAN



Edisi Pertama .RabiulAkhir 1438H/ Januari 2018. Bilangan 01. Laman Web: www.kelantan.jkr.gov.my



**PERUTUSAN DATO'
PENGARAH JKR KELANTAN
UNTUK TAHUN 2018**



**LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK PERSEKUTUAN & NEGERI**



**LAWATAN TEKNIKAL TERTUTUP
KE HOSPITAL KUALA KRAI**

**AUDIT DALAMAN PROGRAM
EKSA IBU PEJABAT JKR
KELANTAN**



**LAWATAN YAB DATO' BENTARA
KANAN MENTERI BESAR KELANTAN KE
TAPAK PROJEK LEBUHRAYA RAKYAT**



**Tahniah!
Kenaikan Pangkat Dato' Pengarah**

Kata Mu-aluan

Pengarah Kerja Raya Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya kita dapat melalui Tahun 2017 dan memasuki Tahun Baru 2018.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua warga kerja JKR Kelantan yang telah berusaha dengan gigih dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2017. Mudah-mudahan kedatangan Tahun Baru 2018 ini di sambut dengan satu tekad diri yang kukuh dengan niat yang positif untuk kita terus bekerja keras secara berpasukan dengan penuh keazaman dan semangat iltizam untuk kita terus maju ke hadapan.

Justeru itu, saya menyarankan supaya setiap bahagian dan jajaan memastikan program yang dirancang bagi tahun 2018 akan dilaksanakan dengan strategi yang lebih kreatif dan inovatif untuk mencapai misi dan objektif jabatan.

Tahun 2018, adalah merupakan tahun ke-3 saya memikul tanggungjawab sebagai Pengarah JKR Kelantan. Serentak dengan itu, usia JKR Kelantan telah menjangkau 80 tahun pada tahun ini. Pelbagai kejayaan yang telah kita capai di samping kita juga berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dalam hubungan ini, adalah sangat penting bagi kita untuk terus memuhasabah diri, menganalisa pelbagai faktor yang menyumbang kepada keadaan ini, menilai kejayaan atau kelemahan pencapaian di masa lalu dan mengambil iktibar serta pengajaran daripadanya untuk kita lebih bersiapsiaga untuk terus maju ke hadapan.

Saya menyeru kepada semua warga JKR Kelantan, marilah kita sama-sama membentuk kerjasama erat serta sikap saling bantu membantu dalam melaksanakan apa jua tugas ke arah mencapai mutu kerja yang cekap, efisien dan berkualiti. Semoga segala niat suci murni kita semua untuk bersama-sama berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi pada tahun 2018, akan sentiasa mendapat hidayah dan keberkatan dari Allah SWT.

Akhir sekali marilah kita sama-sama berdoa agar kita semua diberi kesihatan sihat walafiat dan dapat memberi tumpuan terhadap tugas dan tanggungjawab serta mendapat keredhaan dan rahmat dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid
Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

IBU PEJABAT
Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan,
Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel : 09-7455800
Fax : 09-7447877
Email: jkrkelantan@kelantan.gov.my



Imbas kod QR dengan alat mudah alih anda

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN KOTA BHARU, TUNJONG



Ucapan Dato' Khairulazli bin Othman selaku Setiausaha Bahagian BPH, JPM



Ucapan oleh Dato' Pengarah JKR Kelantan



Sesi tandatangan Dokumen Penyerahan Projek

Projek ini adalah projek Rancangan Malaysia Ke-10 yang dirancang pada tahun 2015 lagi dan mendapat kelulusan EPU pada Ogos 2015. Taklimat projek diterima oleh pihak JKR pada Bulan Ogos 2016 dan mula dilaksanakan di tapak pada 1 September 2016 yang melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, kerja-kerja penambakan tanah dan rawatan tanah.

Hakikat Engineering Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor utama, manakala JKR Daerah Kota Bharu telah bertindak sebagai pasukan penyeliaan yang bertanggungjawab memastikan perjalanan pelaksanaan projek di tapak. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 31 Oktober 2017 dan telah berjaya mencapai KPI Dato' Seri Ketua Pengarah Kerja Raya iaitu Projek 3 dalam 1. Penyiapan projek ini adalah persediaan bagi pelaksanaan Fasa 2 iaitu kerja-kerja bangunan yang dijangka akan bermula pada Februari 2018.

Tarikh : 29 Januari 2018
Tempat: Tunjong, Kota Bharu



Penyerahan Replika Kesiapan Projek kepada Dato' Khairulazli bin Othman



AUDIT DALAMAN EKSA JKR KELANTAN



Tarikh : 16 Januari 2018
Tempat: Ibu Pejabat JKR KELANTAN



LAWATAN YAB DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN KE TAPAK PROJEK LEBUHRAYA RAKYAT



Tarikh : 25 Januari 2018
Tempat: Machang



JABATAN KERJA RAYA

OBJEKTIF

Sebagai Perunding Utama kepada Kerajaan Malaysia, objektif Jabatan Kerja Raya adalah untuk: "Menyerahkan produk dan melaksanakan perkhidmatan penyenggaraan yang menepati masa, kualiti dan kos yang ditetapkan bagi mencapai faedah aset yang optimum".

MISI

- JKR menyumbang kepada pembangunan negara melalui :
- Membantu pelanggan dalam menyampaikan hasil polisi dan perkhidmatan melalui kerjasama rakan kongsi strategik
 - Pemiawaian proses-proses dan sistem demi penyampaian hasil yang konsisten
 - Menyediakan pengurusan aset dan projek yang berkesan dan inovatif
 - Memperkasa kompetensi kejuruteraan sedia ada
 - Membangunkan modal insan dan kompetensi-kompetensi baru
 - Berpegang teguh kepada integriti dalam menyampaikan perkhidmatan
 - Membina hubungan yang harmoni dengan komuniti
 - Memelihara persekitaran di dalam penyampaian perkhidmatan

VISI

Kami akan menjadi penyedia perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi yang terkini

SIDANG REDAKSI JKR KELANTAN

PENAUNG

Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid
Pengarah Jabatan Kerja Raya Kelantan

KETUA PENGARANG
Haji Nik Soh Bin Yaacoub
Jurutera Awam Penguasa
Bahagian Pengurusan Korporat

AHLI JAWATANKUASA
BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Puan Haslinda Binti Ahmad
Jurutera Awam (J41)

Encik Mohd Ikhwan Bin Mohd Bustaman
Penolong Jurutera Awam (JA38)

Encik Mat Alias Bin Dollah
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mohd Adzril Bin Ariffin
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Shukri Bin Hassan
Penolong Jurutera Awam (JA29)


Encik Azmi Bin Abd Aziz
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mohd Shamsul Azman Bin Manaf
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Puan Farhana Binti Che Mohd Nuroddin
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Puan Rossfariza Binti Ibrahim
Pembantu Tadbir (N17)

CARTA ORGANISASI JKR KELANTAN TAHUN 2017



LAPORAN PRESTASI PROJEK JKR KELANTAN

KESELURUHAN PROJEK JKR KELANTAN

JENIS	PEROLEHAN	PEMBINAAN	SERAHAN
PERSEKUTU-AN	2 RM23,000,000.0 0	16 RM858,772,542.2 0	26 RM492,543,185.5 0
NEGERI	0 -	7 RM677,609,091.0 0	3 RM13,467,698.00

BAHAGIAN JALAN

SENGGARA	BIL. PROJEK/KM	KOS PROJEK
PERSEKUTUAN	1369 KM	RM29,044,033.32
NEGERI	1472 KM	RM120,242,484.60

BAHAGIAN BANGUNAN

JENIS	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK
PERSEKUTUAN	11	RM609,499,770.68
NEGERI	4	RM334,261,267.00

SENGGARA BANGUNAN

JENIS	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK
PERSEKUTUAN	36	RM2,680,366.19
NEGERI	10	RM183,422.50

LAWATAN TEKNIKAL TERTUTUP KE HOSPITAL KUALA KRAI

Tarikh : 4 Januari 2018

Tempat: Hospital Kuala Krai



Pembinaan hospital baharu Kuala Krai bernilai RM286 juta dan kerja-kerja pembinaan hospital berkonsepkan dalam taman itu telah mula dilaksanakan sejak tahun lalu.

Pembinaan hospital ini adalah sumbangan besar kerajaan kepada rakyat Kelantan. Hospital ini akan menjadi pemangkin perkembangan ekonomi di daerah Kuala Krai.

Hospital yang dibina di atas kawasan seluas 64 hektar itu bakal memberi keselesaan kepada pesakit-pesakit khususnya dari daerah Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli. Sekarang ini, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian sesak sepanjang masa dengan pesakit-pesakit dari seluruh negeri termasuk Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli mendapatkan rawatan di hospital terbabit.